

# Bayaran perbicaraan lulus

BH 17 JUN 2000

KUANTAN, Jumaat - Persidangan Hakim-Hakim Malaysia di sini hari ini sebulat suara meluluskan cadangan untuk meminda Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk mengenakan 'Bayaran Perbicaraan' terhadap setiap kes sivil mengikut jam.

Mengikut cadangan itu, bagi lima jam pertama perbicaraan, mahkamah tidak akan meminta bayaran tetapi jam berikutnya dikenakan bayaran berdasarkan tempoh tertentu.

Bagi jam keenam hingga 15, cadangan bayarannya adalah RM300 sejam, jam ke-16 hingga 25, (RM400 sejam) dan lebih 26 jam (RM500 sejam).

Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah, berkata plaintif, pemohon atau perayu akan dikenakan bayaran itu tetapi mereka boleh menuntutnya semula daripada

da defendan jika berjaya dalam kes yang dibicarakan.

Katanya, walaupun baru pada peringkat cadangan, kadar bayaran itu lebih rendah berbanding di Singapura atau Hong Kong.

"Cadangan mengenakan bayaran ini hanya membabitkan Mahkamah Tinggi dan bukannya Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Majistret atau Mahkamah Sesyen yang tertakluk kepada peraturan masing-masing.

"Kita juga menetapkan bayaran itu bagi kes sivil saja," katanya kepada pemberita selepas persidangan dua hari itu berakhir, hari ini.

Persidangan di Hyatt Regency itu membabitkan 75 Hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan dan Persuruhjaya Kehakiman dari seluruh negara.

Mohamed Dzaiddin diminta memperincikan lagi

kenyataan Ketua Hakim Negara, Tun Eusoff Chin, semalam, berhubung cadangan itu yang akan dikemukakan kepada kerajaan bagi memastikan perbicaraan tidak berlarutan terlalu lama.

Di KUALA LUMPUR, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ditemui pemberita selepas melancarkan Pusat Perisian Motorola di sini, berkata kerajaan perlumengkaji cadangan itu dulu.

"Saya tidak boleh memberi pendapat sebelum mengka-jinya... saya seorang yang sangat berhati-hati terutama apabila bercakap dengan wartawan," kata Perdana Menteri.

Semalam, Eusoff dilaporkan berkata yuran itu tidak akan dikenakan bagi kes yang membabitkan golongan miskin.

Mohamed Dzaiddin yang diberikan tugas menggulung persidangan bagi pihak Ketua Hakim Negara, berkata de-

ngan mengenakan bayaran perbicaraan, kes sivil di Mahkamah Tinggi yang membabitkan saksi boleh diselesaikan secepat mungkin.

"Pada masa ini, ada kes ditangguhkan sehingga bertahun-tahun, malah ada sehingga 10 tahun tetapi lazimnya sekarang mengambil tempoh dua tahun.

"Justeru, melalui bayaran perbicaraan, kalau memanjangkan perbicaraan, mereka (plaintiff dan defendan) akan dikenakan bayaran kepada mahkamah," katanya.

Menjawab soalan, beliau berkata, mengikut cadangan itu, bayaran berkenaan akan dikecualikan jika kerajaan terbabit dalam kes yang dibicarakan sama menjadi plaintif, pemohon dan perayu atau defendan.

"Ketua Hakim Negara akan mengemukakan cadangan berkenaan kepada Kabinet untuk mendapatkan kelulusan," katanya.